



PANDUAN UNTUK BER CERAMAH UGAMA

Dalam menyampaikan ceramah atau syarahan walaupun penceramah-penceramah itu bebas memilih apa-apa jua tajuk dan topik mengenai agama, panduan-panduan berikut hendaklah dipatuhi:

1. Dalam masalah Aqidah hendaklah mengikut fahaman Ahli Sunnah Wal-Jamaah, golongan al-Asya'riah dan al-Maturidiyah.
2. Dalam masalah Feqah hendaklah mengikut qaul yang muktamad dalam mazhab Shafie.
3. Jangan menimbulkan masalah Khilafiah yang nanti akan menyulitkan penerimaan fikiran orang ramai umpamanya dalam masalah-masalah berikut:
 - (i) Khilaf sama ada sembahyang Tarawih 8 atau 20 rakaat (kerana amalan umat Islam di negara ini ialah 20 rakaat);
 - (ii) Sembahyang Qadha;
 - (iii) Menyentuh perempuan *ajnabiah*;
 - (iv) Talqin mayat;
 - (v) Kenduri arwah, tahlil, malam Nisfu Syaaban, Sambutan Memperingati Hari-Hari Kebesaran Islam iaitu Awal Tahun Hijrah, Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, Isra' Mikraj dan Nuzul Al-Quran;
 - (vi) Adat yang tidak bercanggah dengan Islam.
4. Jangan menimbulkan masalah-masalah yang hanya khusus untuk ahli-ahli Feqah, Tauhid, Tafsir dan Tasawuf sahaja (ulama-ulama) kerana orang ramai tidak begitu faham akan bahasan masalah-masalah tersebut memandangkan kepada terlampau khususnya masalah itu.



5. Penghuraian sesuatu masalah sebaiknya dilakukan dengan cara positif dan tidak melalui kaedah negatif, umpamanya: menyatakan seseorang yang membaca al-Quran tanpa mengetahui maknanya. Seorang pensyarah negatif akan mengatakan cara membaca al-Quran seperti ini tidak mendatangkan faedah sebagaimana yang ditentukan oleh al-Quran. Seorang pensyarah yang bersifat positif menyatakan baca sahaja al-Quran sama ada difahami maknanya atau tidak, pasti akan mendatangkan kebaikan tetapi jikalau difahami maknanya tentu lebih sempurna dan mendatangkan faedah yang lebih besar dari sekadar membaca sahaja.
6. Apabila membuat sesuatu perbandingan hendaknya jangan menyebabkan orang Brunei menganggap bahawa apa yang ada dalam Negara Brunei Darussalam itu tidak baik atau selalunya salah. Manakala apa yang dibuat oleh orang lain itu sentiasa baik dan wajib diikuti.
7. Eloklah mengambil dari bahan-bahan rujukan kitab-kitab yang muktabar, antaranya seperti berikut:
 - (i) Mushaf Brunei Darussalam dan Terjemahannya;
 - (ii) Tafsirul Jalalain oleh al-Imam Jalaluddin al-Mahalli dan al-Imam Jalaluddin as-Suyuthi;
 - (iii) Kutub Tis'ah;
 - (iv) Riyadhus Shalihin oleh al-Imam an-Nawawi;
 - (v) Nailul Authar oleh asy-Syaukani;
 - (vi) Bahrul Madzi oleh Muhammad Idris al-Marbawi;
 - (vii) Syarhul 'Aqa'idin Nasafiyah oleh al-Imam Sa'duddin at-Taftazani;
 - (viii) Al- Majmu' Syarhul Muhadzdzab oleh al-Imam an-Nawawi;



- (ix) Bughyatul Mustarsyidin oleh Syed Abdul Rahman Ba'alwi;
 - (x) Sabilal Muhtadin;
 - (xi) Mathla'ul Badrain;
 - (xii) Fatwa Mufti Kerajaan;
 - (xiii) Irsyad Hukum;
 - (xiv) Zainuttalib;
 - (xv) Al-Fiqhul Islami wa adillatuh;
 - (xvi) Ihya' Ulumiddin oleh al-Imam al-Ghazali;
 - (xvii) Az-Zawajir oleh al-Imam Ibn Hajar al-Haitsami;
 - (xviii) Sairus Salikin;
 - (xix) Zubdatul Wa'izhin;
 - (xx) Zainul Insan;
8. Penceramah hendaklah memastikan untuk penggunaan hadis-hadis yang bukan mardud yakni hadis maudhu' dan hadith dhaif jiddan (terlalu lemah).

Disediakan oleh:
Jabatan Majlis Ugama Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam.